



**PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding perancangan bandar dan wilayah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **330206** untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

Bil.	No. Tender/ Nama Projek	Kod Bidang	Tarikh, Tempat & Masa Tutup	Syarat Utama Pelawaan
1.	JPBD(IP)S 185/646/1-118 Kajian Penyelarasan Akta Perancangan Bandar dan Desa Yang Diterimapakai Di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan)	330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah) atau 340901 (Kajian Perundangan)	23 Mac 2020 (Isnin) Jam 12.00 tengah hari	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) 2. Berdaftar di bawah Kod 330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah) atau 340901 (Kajian Perundangan) 3. Berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) atau berdaftar dengan Badan Peguam Negara 4. Tempoh pendaftaran Kementerian Kewangan dan LPBM masih sah laku
2.	JPBD(IP)S 185/646/1-120 Kajian Pengenalpastian Kawasan-Kawasan Pemajuan Sepertimana Seksyen 38, Akta 172	330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)	Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) 2. Berdaftar di bawah Kod 330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah) 3. Berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) 4. Tempoh pendaftaran Kementerian Kewangan dan LPBM masih sah laku
3.	JPBD(IP)S 185/646/1-119 Kajian Pemeliharaan Pokok Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Mengikut Peruntukan Bahagian VA, Akta 172			

2. Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapatkan daripada kaunter di **Seksyen Kewangan, Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya bermula pada 2 Mac 2020 (Isnin) hingga 23 Mac 2020 (Isnin).**

WAKTU OPERASI JUALAN DOKUMEN TENDER :

Isnin - Khamis : 9.00 pagi hingga 1.00 petang

Jumaat : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Sabtu/ Ahad/ Cuti Am/ Cuti Umum : TUTUP

*** TIADA URUSNIAGA DILAKSANAKAN SELEPAS WAKTU OPERASI DI ATAS BAGI TUJUAN URUSAN PERBANKAN.**

3. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar **RM50.00** bagi setiap satu (1) set.
4. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di bahagian atas sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada :

**Ketua Pengarah
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Aras 12, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya**

5. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Pelawaan Tender Terbuka di Seksyen Kewangan PLANMalaysia seperti alamat di atas **tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 23 Mac 2020 (Isnin).** Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
6. Firma perunding yang berminat adalah dijemput hadir ke sesi taklimat yang akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 13 Mac 2020 (Jumaat)

Masa : 9.00 pagi

**Tempat : Bilik Latihan Kemboja@11, Aras 11,
Bahagian Khidmat Pengurusan,
PLANMalaysia, Blok F5,
Parcel F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya.**